

CIMB CashLite

Terms and Conditions as of 24th November 2021

CashLite Programme

1. a) The CashLite Programme (the “**Programme**”) is offered only to the principal Cardholders of CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] (the “**Bank**”) subject to these terms and conditions and read together with the prevailing Cardholder Terms and Conditions.

b) Words used in these terms and conditions, if not specifically defined, shall have the same meaning as defined in the Cardholder Terms and Conditions. Supplementary cards, Business Cards and CIMB Bank Islamic Cards are not eligible for this Programme.

2. The CashLite Amount (“**CashLite Amount**”) refers to the amount to be credited to the Cardholder’s nominated current or savings account via the Programme.

3. Cardholders contacted by the Bank to participate in the Programme or who have indicated an interest may participate in the Programme.

Minimum and Maximum CashLite limit

4. The maximum CashLite Amount applied for must not exceed the Cardholder’s credit limit available on his credit card.

5. The Cardholder’s application is treated as his offer to the Bank to take up the CashLite Amount, at the interest rate and for the tenure set out in the application and upon these Terms and Conditions.

6. If the Bank issues its notification under Clause 22 that the application is approved, the Bank is deemed to have accepted the Cardholder’s offer.

7. If the Bank does not accept the Cardholder’s offer but instead offers to the Cardholder the CashLite Amount of a different amount, interest rate and/or tenure, as the case may be, the Cardholder may accept such counter offer verbally or by utilizing the CashLite Amount offered by the Bank which has been credited to the Cardholder’s bank account referred to in Clause 23 hereof, whichever happens earlier.

8. Any difference between the CashLite Amount, interest rate or tenure applied for and the amount, interest rate or tenure finally approved by the Bank shall not affect the validity of these Terms and Conditions.

9. Any reference to “**CashLite Amount**” in these terms and conditions means the CashLite Amount approved as per the Cardholder’s application or the CashLite Amount approved for a different amount (as the case may be). The Bank may reject any application in whole or approve a lower CashLite Amount.

10. The minimum CashLite Amount that can be applied for or approved by the Bank is RM1,000.00.

Account

11. The Cardholder's credit card account ("**Account**") statement will set out the CashLite Monthly Payment that the Cardholder has to pay and it will break down the principal portion and interest portion of the CashLite Monthly Payment.

12. a) The CashLite Monthly Payment amount will depend on the approved CashLite Amount, tenure and applicable interest rate for the Cardholder and is calculated based on the manner stipulated in CIMB's CashLite Product Disclosure Sheet.

b) The amount payable under the Account each month will be the combined amount of the CashLite Monthly Payment and any payment due on the credit card balances.

13. a) The CashLite Monthly Payment must be paid in full by the credit card due date of each month otherwise a late payment charge of 1% on the outstanding balance of the CashLite Monthly Payment (subject to a minimum of RM 10.00 and maximum of RM100.00) will be charged after the due date.

b) The late payment charge must be paid in full on the next statement due date. Late payment charges are liquidated damages (not a penalty) and are payable before and after any court order or judgment.

Finance Charge

14. Finance charges of 18% per annum will be imposed on all unpaid monies calculated on a daily balance basis and capitalized on each credit card statement due date. Finance charges will be charged to the Account and accrued finance charges must be paid in full on the next credit card statement due date.

Credit Limit

15. a) The Cardholder's available credit card limit will be reduced by blocking an amount equivalent to the approved CashLite Amount (*and the interbank transfer ("**IBG**") fee of RM 2.00 if the Cardholder has asked for the CashLite Amount to be released to the Cardholders' account held with another bank*).

b) The credit limit will be progressively restored (*by the amount of the principal portion repaid*) and made available for the Cardholder's use as and when each CashLite Monthly Payment is received by the Bank.

16. a) The approved CashLite Amount also forms part of the Cardholder's total available credit limit for all his CIMB credit card account(s), including his/her supplementary credit card account(s) which is reduced accordingly.

b) The total available credit card limit will be progressively restored (*by the amount of the principal portion repaid*) and made available for the Cardholder's use as and when each CashLite Monthly Payment is received by the Bank.

Right to reject

17. This Programme is valid for such period as the Bank may decide.

18. If the Bank grants a Cardholder a CashLite Amount but finds out later that the Cardholder had breached the Cardholder Terms and Conditions or does not have enough credit limit, the Bank may immediately revoke the offer made and recall the CashLite Amount granted.

Early Settlement

19. For any early settlement of the Programme before the end of the agreed tenure, the Cardholders must give the Bank at least thirty (30) days prior notice by calling the Bank's call centre.

20. The full outstanding balance of the CashLite Amount (i.e. monthly instalments due including late charges and finance charges and the outstanding principal amount) owing must be paid upon early settlement.

21. Upon early settlement of the Programme before the expiry of the agreed tenure, a pro-rated interest portion of the CashLite Monthly Payment ("**Instalment Interest**") will be charged. This will be reflected (together with any fees or charges) in the next monthly credit card statement, together with any CashLite outstanding principal amount. For avoidance of doubt, please refer to Examples 1 and 2 below.

Example 1: Early settlement **before** the 1st CashLite Monthly Payment is billed

CashLite Amount	RM5,000.00
Interest rate (Flat Rate)	9.88% p.a.
Tenure	12 months
CashLite Monthly Payment	RM 457.83*
CashLite Approval Date	1-Jan-2021
CashLite Cancellation Date	14-Jan-2021
Cardholder's Statement Cycle Date	20th of the month
Interest rate (Effective Rate)	17.76% p.a.

Month	Outstanding CashLite Principal Amount (RM)	Monthly Principal Repayment (RM)	Monthly Interest (RM)	CashLite Monthly Payment *(RM)
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83
6	3,027.50	413.50	44.33	457.83
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83
11	896.67	445.17	12.67	457.83
12	451.50	451.50	6.33	457.83
Total		5,000.00	494.00	5,494.00

* The CashLite Monthly Payment for the first month may vary due to rounding of the Instalment Interest and/or monthly principal repayment amount

Based on the above example, if the Cardholder decides to make early settlement on 14 January 2021 which is before the 1st CashLite Monthly Payment is billed on 20 January 2021 the Cardholder will be required to pay the CashLite outstanding principal amount of RM5,000 and pro-rated Instalment Interest of RM34.32.

CashLite pro-rated Instalment Interest calculation is as illustrated below:

Interest of Month 1 is RM76.00

Pro-rated Instalment Interest =

Monthly Instalment Interest (for the month on which the early settlement is made) x Number of days from CashLite approval date to CashLite early settlement date /Number of days of the month

$$= 76.00 * 14 / 31$$

$$= RM34.32$$

Example 2: Early settlement **after** the 1st CashLite Monthly Payment is billed

CashLite Amount	RM5,000.00
Interest rate (Flat rate)	9.88% p.a.
Tenure	12 months
CashLite Monthly Payment	RM 457.83*
CashLite Approval Date	1-Jan-2021
CashLite Cancellation Date	14-Jan-2021
Cardholder's Statement Cycle Date	20th of the month
Interest rate (Effective rate)	17.76% p.a.

Month	Outstanding CashLite Principal Amount (RM)	Monthly Principal Repayment (RM)	Monthly Interest (RM)	CashLite Monthly Payment *(RM)
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83
6	3,027.50	413.50	44.33	457.83
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83
11	896.67	445.17	12.67	457.83
12	451.50	451.50	6.33	457.83
Total		5,000.00	494.00	5,494.00

* The CashLite Monthly Payment for the first month may vary due to rounding of the Instalment Interest and/or monthly principal repayment amount

Based on the above example, if the Cardholder decides to make early settlement on 14 June 2021 which is after the 5th CashLite Monthly Payment is billed on 20 May 2021, the Cardholder will be required to pay the CashLite outstanding principal amount of RM3,027.50 and pro-rated Instalment Interest amount of RM35.75.

CashLite pro-rated Instalment Interest calculation is as illustrated below:

Pro-rated Instalment Interest =

Monthly Instalment Interest¹ x Number of days from statement cycle date² to -date of early settlement/

Number of days of the last statement cycle month

$$= 44.33 * 25 / 31$$

$$= \text{RM}35.75$$

Notes:

¹ Instalment interest for the month on which the early settlement is made.

² Last statement cycle date before early settlement is made.

Notification Letter and Short Message Service ("SMS")

22. If an application has been approved, a SMS will be sent to the Cardholder on the approval followed by a system generated letter of notification will be sent to the Cardholder stating the approved CashLite Amount, the tenure and interest charged. Where the application has been declined, an SMS to this effect will be sent out to the Cardholder.

Disbursement

23. The approved CashLite Amount will be credited in Ringgit Malaysia into the Cardholder's nominated current or savings account within five (5) working days from the day of application. The account given cannot be a joint-named account.

24. To credit the approved CashLite Amount to the Cardholder's nominated current or savings account maintained with another bank, an IBG cost of RM2.00 per transaction shall be paid by the Cardholder. The Bank may also charge RM2.00 for every subsequent IBG due to invalid and/or inaccurate IBG details given by the Cardholder. The IBG charges will be charged to the Cardholder's selected credit card account for the Programme.

No Bonus Points, Bonus Miles or Cash Rebates

25. No bonus points / bonus miles/ cash rebate will be granted in connection with this Programme.

Event of default

26. If CashLite Monthly Payments are not paid for 3 consecutive months, the Bank may terminate and recall the Programme.

27. After the Bank's termination of the Programme, all outstanding CashLite Monthly Payments and the total unbilled principal of the CashLite together with the applicable finance charges and accrued interest and balance of all other monies owing will be immediately due and payable.

Application via Phone Call

28. The Cardholder's consent obtained via phone call will be deemed conclusive proof of the Cardholder's instruction to apply for the Programme and to accept the approved CashLite Amount upon these terms and conditions and the Cardholder Terms and Conditions.

Right to Amend, Malaysian Law and Cardholder Terms and Conditions

29. The Bank may vary (whether by adding to, deleting from or otherwise amending) (“**Amendment**”) any of these terms and conditions by giving the Cardholder at least twenty-one (21) calendar days notice before the Amendment is effective. Notice of the Amendment may be given in the same way as notice of amendments are given under the Cardholder Terms and Conditions.

30. These terms and conditions shall be governed by and interpreted in accordance with the laws of Malaysia.

31. These terms and conditions are in addition to and without prejudice to the terms and conditions stated in the Cardholder Terms and Conditions. In the event of a conflict between these terms and conditions and the Cardholder Terms and Conditions, these terms and conditions shall prevail in relation to this Programme.

32. The Bank will not be liable if it is unable to carry out any of its duties under these terms and conditions or relating to the Programme due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.

33. For any assistance, Cardholder may contact the Bank at

Customer Resolution Unit / Consumer Contact Centre

Address: Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338,
GPO Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia.
Tel: 603-6204 7788
Email: cru@cimb.com

34. Cardholder may contact the following:

(i) for redress

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Address: Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 603-2616 7766
Website: www.akpk.org.my

(ii) for complaint

Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK

Address: Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato’ Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1 300 88 5465
Fax: 603-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

CashLite CIMB

Term-Terma dan Syarat-Syarat CashLite setakat 24 November 2021

Program CashLite

1. a) Program CashLite (“**Program**”) hanya ditawarkan kepada Pemegang Kad utama CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] (“**Bank**”) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini dan dibaca dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad semasa.

b) Perkataan yang digunakan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, jika tidak ditakrifkan secara khusus, hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad. Kad Tambahan, Kad Perniagaan dan Kad Islamik Bank CIMB adalah tidak layak untuk Program ini.
2. Jumlah CashLite (“**Jumlah CashLite**”) merujuk kepada jumlah yang dikreditkan ke akaun semasa atau simpanan yang dinamakan oleh Pemegang Kad melalui Program ini.
3. Pemegang Kad yang dihubungi oleh Bank untuk menyertai Program atau menunjukkan minat boleh menyertai Program ini.

Had CashLite Minimum dan Maksimum

4. Jumlah CashLite maksimum yang dipohon mesti tidak melebihi had kredit Pemegang Kad dalam Kad Kreditnya.
5. Permohonan Pemegang Kad akan dianggap sebagai tawarannya kepada Bank untuk mengambil Jumlah CashLite, pada kadar faedah dan tempoh yang ditetapkan dalam permohonan dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
6. Jika Bank mengeluarkan pemberitahuan di bawah Klausula 22 bahawa permohonan telah diluluskan, Bank akan dianggap telah menerima tawaran Pemegang Kad.
7. Jika Bank tidak menerima tawaran Pemegang Kad tetapi sebaliknya menawarkan kepada Pemegang Kad Jumlah CashLite pada jumlah, kadar faedah dan/atau tempoh yang berbeza, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pemegang Kad boleh menerima tawaran balas tersebut secara lisan atau dengan menggunakan Jumlah CashLite yang ditawarkan oleh Bank yang telah dikreditkan ke akaun bank Pemegang Kad yang dirujuk dalam Klausula 23, mengikut mana-mana yang berlaku sebelum ini.
8. Sebarang perbezaan di antara Jumlah CashLite, kadar faedah atau tempoh dipohon dan jumlah, kadar faedah atau tempoh yang akhirnya diluluskan oleh Bank tidak akan menjejaskan kesahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
9. Sebarang rujukan kepada “**Jumlah CashLite**” dalam terma-terma dan syarat-syarat bermaksud Jumlah CashLite yang diluluskan seperti dalam permohonan Pemegang Kad atau Jumlah CashLite yang diluluskan untuk jumlah yang berbeza (mengikut mana-mana yang berkenaan). Bank boleh menolak sebarang permohonan dalam keseluruhan atau menerima Jumlah CashLite yang lebih rendah.
10. Jumlah CashLite minimum yang boleh dipohon atau diluluskan oleh Bank adalah RM1,000.00.

Akaun

11. Penyata akaun kad kredit Pemegang Kad ("**Akaun**") akan menunjukkan Pembayaran Bulanan CashLite yang Pemegang Kad perlu bayar dan ia akan memecahkan bahagian prinsipal dan bahagian faedah Pembayaran Bulanan CashLite.

12. a) Jumlah Pembayaran Bulanan CashLite akan berdasarkan pada Jumlah CashLite yang diluluskan, tempoh dan kadar faedah terpakai bagi Pemegang Kad dan dikira berdasarkan cara yang ditetapkan dalam Lembaran Pendedahan Produk CashLite CIMB.

b) Jumlah yang harus dibayar di bawah Akaun setiap bulan adalah jumlah gabungan Pembayaran Bulanan CashLite dan sebarang pembayaran yang kena dibayar atas baki kad kredit.

13. a) Pembayaran Bulanan CashLite mesti dibayar sepenuhnya sebelum tarikh matang kad kredit setiap bulan jika tidak caj bayaran lewat 1% atas baki tertunggak Pembayaran Bulanan CashLite (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00) akan dikenakan selepas tarikh matang.

b) Caj bayaran lewat mesti dibayar sepenuhnya pada tarikh matang penyata seterusnya. Caj bayaran lewat adalah ganti rugi jumlah tertentu (bukannya penalti) dan harus dibayar sebelum dan selepas apa-apa perintah atau penghakiman mahkamah.

Caj Kewangan

14. Caj kewangan 18% setahun akan dikenakan ke atas semua wang yang tidak dibayar yang dikira berdasarkan baki harian dan dipermodalkan pada tarikh matang setiap penyata kad kredit. Caj kewangan akan dikenakan ke Akaun dan caj kewangan terakru mesti dibayar sepenuhnya pada tarikh matang penyata kad kredit seterusnya.

Had Kredit

15. a) Had kad kredit tersedia bagi Pemegang Kad akan dikurangkan dengan menyekat jumlah bersamaan dengan Jumlah CashLite yang diluluskan (*dan fi pemindahan antara bank ("IBG") RM2.00 sekiranya Pemegang Kad meminta Jumlah CashLite dilepaskan ke akaun Pemegang Kad yang dipegang dengan bank lain*).

b) Had kredit akan dipulihkan secara progresif (*dengan jumlah bahagian prinsipal dibayar balik*) dan disediakan untuk kegunaan Pemegang Kad dan apabila setiap Pembayaran Bulanan CashLite diterima oleh Bank.

16. a) Jumlah CashLite yang diluluskan juga membentuk sebahagian daripada kesemua jumlah had kredit tersedia Pemegang Kad untuk semua akaun kad kredit beliau, termasuk akaun kad kredit tambahannya yang telah dikurangkan sewajarnya.

b) Kesemua had kad kredit tersedia akan dipulihkan secara progresif (*dengan jumlah bahagian prinsipal dibayar balik*) dan disediakan untuk kegunaan Pemegang Kad dan apabila setiap Pembayaran Bulanan CashLite diterima oleh Bank.

Hak untuk Menolak

17. Program ini adalah sah untuk satu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

18. Sekiranya Bank menawarkan Jumlah CashLite kepada Pemegang Kad tetapi mendapati kemudiannya bahawa Pemegang Kad telah memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi, Bank boleh dengan serta merta, membatalkan tawaran yang dibuat dan menarik balik Jumlah CashLite yang diberikan.

Penyelesaian Awal

19. Untuk sebarang pembayaran awal Program sebelum penamatan tempoh dipersetujui, Pemegang Kad mesti memberikan kepada Bank notis terdahulu sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalendar dengan menghubungi pusat panggilan Bank.

20. Baki tertunggak Jumlah CashLite yang penuh (iaitu ansuran bulanan yang kena dibayar termasuk caj lewat dan caj kewangan dan jumlah prinsipal tertunggak) yang terhutang mesti dibayar atas penyelesaian awal.

21. Selepas penyelesaian awal Program sebelum penamatan tempoh yang dipersetujui, bahagian faedah pro-rata bagi Pembayaran Bulanan CashLite ("**Faedah Ansuran**") akan dikenakan. Ia akan dicerminkan (bersama-sama dengan sebarang fi atau caj) dalam penyata kad kredit bulanan berikutnya, bersama-sama dengan sebarang jumlah prinsipal tertunggak CashLite. Untuk mengelakkan keraguan, sila rujuk kepada Contoh 1 dan 2 di bawah.

Contoh 1: Pembayaran awal **sebelum** Pembayaran Bulanan CashLite Pertama dibilkan

Jumlah CashLite	RM5,000.00
Kadar faedah (Kadar rata)	9.88% setahun
Tempoh	12 bulan
Bayaran Bulanan CashLite	RM 457.83*
Tarikh Kelulusan CashLite	1 Januari 2021
Tarikh Pembatalan CashLite	14 Januari 2021
Tarikh Kitaran Penyata Ahli Kad	Hari ke-20 dalam sebulan
Kadar faedah (Kadar efektif)	17.76% setahun

Bulan	Jumlah Prinsipal Tertunggak CashLite (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal Bulanan (RM)	Faedah Ansuran (RM)	Bayaran Bulanan CashLite* (RM)
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83
6	3,027.50	413.50	44.33	457.83
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83
11	896.67	445.17	12.67	457.83
12	451.50	451.50	6.33	457.83
Jumlah		5,000.00	494.00	5,494.00

* Pembayaran Bulanan CashLite untuk bulan pertama mungkin berbeza kerana penggenapan Faedah Ansuran dan/atau jumlah pembayaran balik prinsipal bulanan.

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Januari 2021 iaitu sebelum Pembayaran Bulanan Pertama dibilkan pada 20 Januari 2021 Pemegang Kad akan diperlukan untuk membayar jumlah prinsipal tertunggak CashLite RM5,000 dan Faedah Ansuran pro-rata RM34.32.

Pengiraan Faedah Ansuran pro-rata CashLite adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Faedah Bulan 1 adalah RM76.00

Faedah Ansuran pro-rata =

Faedah Ansuran Bulanan (bagi bulan di mana penyelesaian awal dibuat) x Bilangan hari dari tarikh kelulusan CashLite ke tarikh penyelesaian awal CashLite /Bilangan hari dalam bulan tersebut

$$= 76.00 * 14 / 31$$

$$= RM34.32$$

Contoh 2: Penyelesaian awal **selepas** Pembayaran Bulanan CashLite Pertama dibilkan

Jumlah CashLite	RM5,000.00
Kadar faedah (Kadar rata)	9.88% setahun
Tempoh	12 bulan
Bayaran Bulanan CashLite	RM 457.83*
Tarikh Kelulusan CashLite	1 Januari 2021
Tarikh Pembatalan CashLite	14 Januari 2021
Tarikh Kitaran Penyata Ahli Kad	Hari ke-20 dalam sebulan
Kadar faedah (Kadar efektif)	17.76% setahun

Bulan	Jumlah Prinsipal Tertunggak CashLite (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal Bulanan (RM)	Faedah Ansuran (RM)	Bayaran Bulanan CashLite* (RM)
1	5,000.00	381.83	76.00	457.87
2	4,618.17	388.17	69.67	457.83
3	4,230.00	394.50	63.33	457.83
4	3,835.50	400.83	57.00	457.83
5	3,434.67	407.17	50.67	457.83
6	3,027.50	413.50	44.33	457.83
7	2,614.00	419.83	38.00	457.83
8	2,194.17	426.17	31.67	457.83
9	1,768.00	432.50	25.33	457.83
10	1,335.50	438.83	19.00	457.83
11	896.67	445.17	12.67	457.83
12	451.50	451.50	6.33	457.83
Jumlah		5,000.00	494.00	5,494.00

* Pembayaran Bulanan CashLite untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan pembundaran Faedah Ansuran dan/atau jumlah pembayaran balik prinsipal bulanan.

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Jun 2021 iaitu selepas Bayaran Bulanan CashLite ke-5 dibilkan pada 20 Mei 2021, Pemegang Kad akan dikehendaki untuk membayar jumlah prinsipal tertunggak CashLite sebanyak RM3,027.50 dan Faedah Ansuran pro-rata berjumlah RM35.75.

Pengiraan Faedah Ansuran pro-rata CashLite adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Faedah Ansuran pro-rata =

Faedah Ansuran Bulanan¹ x Bilangan hari dari tarikh kitaran penyata² sehingga -tarikh penyelesaian awal/

Bilangan hari bulan kitaran penyata terakhir

$$= 44.33 * 25 / 31$$

$$= RM35.75$$

Nota:

¹ Faedah ansuran bagi bulan yang mana penyelesaian awal dibuat.

² Tarikh kitaran penyata terakhir sebelum penyelesaian awal dibuat.

Surat Pemberitahuan dan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS")

22. Jika satu permohonan telah diluluskan, satu SMS akan dihantar kepada Pemegang Kad berkenaan kelulusan diikuti dengan satu surat pemberitahuan yang dijana oleh sistem yang akan dihantar kepada Pemegang Kad menyatakan Jumlah CashLite yang diluluskan, tempoh dan faedah yang dikenakan. Di mana permohonan telah ditolak, satu SMS untuk kesan ini akan dihantar kepada Pemegang Kad.

Pembayaran

23. Jumlah CashLite diluluskan akan dikreditkan dalam Ringgit Malaysia ke akaun semasa atau simpanan dinamakan Pemegang Kad dalam lima (5) hari bekerja dari hari permohonan. Akaun yang diberikan tidak boleh merupakan akaun bernama Bersama.

24. Untuk mengkreditkan Jumlah CashLite yang diluluskan ke akaun semasa atau simpanan dinamakan Pemegang Kad yang dikekalkan dengan bank lain, kos IBG RM2.00 setiap transaksi akan dibayar oleh Pemegang Kad. Bank juga boleh mengenakan RM2.00 untuk setiap IBG seterusnya yang disebabkan oleh butiran IBG tidak sah dan/atau tidak tepat yang diberikan oleh Pemegang Kad. Caj IBG akan dikenakan ke akaun kredit kad pilihan Pemegang Kad untuk Program.

Tiada Mata Bonus, "Bonus Miles" atau Rebat Tunai

25. Tiada mata bonus / "Bonus Miles" / rebat tunai akan diberi berhubungan dengan Program ini.

Peristiwa Keingkaran

26. Jika Pembayaran Bulanan CashLite tidak dibayar untuk 3 bulan berturut-turut, Bank boleh menamatkan dan menarik balik Program tersebut.

27. Selepas penamatan Program oleh Bank, kesemua Pembayaran Bulanan CashLite terhutang dan jumlah prinsipal CashLite yang belum dibilkan bersama dengan caj kewangan yang terpakai dan faedah terakru dan baki untuk kesemua wang lain yang terhutang akan menjadi kena dibayar dan harus dibayar dengan serta-merta.

Permohonan melalui Panggilan Telefon

28. Persetujuan Pemegang Kad yang diperolehi melalui panggilan telefon akan dianggap bukti konklusif arahan Pemegang Kad untuk memohon kepada Program dan menerima Jumlah CashLite diluluskan atas terma-terma dan syarat-syarat ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.

Hak untuk Meminda, Undang-Undang Malaysia dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad

29. Bank boleh mengubah (sama ada menambah, memotong atau sebaliknya meminda) ("**Pindaan**") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum sebarang Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberi dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad.

30. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

31. Terma-terma dan syarat-syarat ini adalah tambahan kepada dan tidak prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad. Sekiranya terdapat pencanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain berhubung dengan Program ini.

32. Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia tidak dapat melaksanakan mana-mana kwajipannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini atau yang berkaitan dengan Program disebabkan apa-apa bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.

33. Untuk sebarang bantuan, Pemegang Kad boleh hubungi Bank melalui

Unit Resolusi Pelanggan / Pusat Khidmat Pelanggan

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338,
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan, Malaysia.
Tel: 603-6204 7788
Emel: cru@cimb.com

34. Pemegang Kad boleh menghubungi di bawah:

(i) untuk bantuan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat: Tingkat 5 dan 6
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 603-2616 7766
Laman web: www.akpk.org.my

(ii) untuk aduan

Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK

Alamat: Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 88 5465
Fax: 603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my